



DEATH CLAIM FORM
BORANG TUNTUTAN KEMATIAN

PART 1 - CLAIMANT'S STATEMENT

BAHAGIAN 1 - KENYATAAN ORANG YANG MENUNTUT

CERTIFICATE NO. / NO. SIJIL

Note: Submission of Claim Form does not guarantee admission of liability
Nota: Penyerahan Borang Tuntutan tidak menjamin penerimaan terhadap kebertanggungjawaban

Full Name of the Deceased/ *Nama Penuh Si Mati:*

Last Correspondence Address/
Alamat Surat Menyurat terakhir:

NRIC No./ *No. K.P.:* Sex/ *Jantina:* Male/ *Lelaki* [] Female/ *Perempuan* []

Date of Birth/ *Tarikh Lahir :* Age/ *Umur:*

Date of Death/ *Tarikh Kematian:* Cause of
Death/ *Sebab*
Place of Death/ *Tempat Kematian:* *Kematian:*

DETAILS OF THE DECEASED / MAKLUMAT SI MATI

<p>1. Occupation of the Deceased at time of death: <i>Pekerjaan Si Mati pada masa kematian</i></p> <p>.....</p>	<p>2. Name and Address of Employer: <i>Nama dan Alamat Majikan</i></p> <p>.....</p> <p>.....</p>
<p>3. Last date of working/ <i>Tarikh akhir bekerja</i></p>	<p>4. Employer's Tel. No./ <i>No. Tel Majikan</i>.....</p>
<p>5. Is there any other insurance/takaful coverage, which is in force on the life of the Deceased? [] Yes/ <i>Ya</i> [] No/ <i>Tidak</i> <i>Adakah sijil insuran/takaful lain yang berkuatkuasa ke atas Si Mati?</i></p> <p>6. If yes, please provide the following details: / <i>Jika ya, sila berikan butir-butir berikut:</i></p>	

Name of Company(ies)/ <i>Nama Syarikat</i>	Certificate/policies(s) issued date / <i>Tarikh sijil-sijil dikeluarkan</i>	Sum Covered/ <i>Jumlah Perlindungan</i>	Date(s) which the Certificate/ policies were effected / <i>Tarikh berkuatkuasa sijil-sijil tersebut</i>

7. When did the Deceased first complain of, or give indication of, his/her last illness?

Bilakah Si Mati mula mengadu atau memberi tanda tentang penyakitnya yang terakhir?

8. When did the Deceased first consult a Physician for his/her last illness?

Bilakah Si Mati pertama kali menemui Pegawai Perubatan mengenai penyakit tersebut?

9. Please state below the names and addresses of each physician who attended the Deceased during his/her last illness and for the past three (3) years prior to their death./ *Sila nyatakan nama dan alamat setiap pegawai perubatan yang telah merawat Si Mati dalam masa sakitnya dan tiga tahun terakhir sebelum kematiannya.*

Name(s) and Address(es)/ *Nama & Alamat*

Date(s) of Treatment/ *Tarikh Rawatan*

Diagnosis/ *Diagnosis*

10. Was an inquest or post-mortem examination held on the body of the Deceased? <i>Adakah siasatan atau pemeriksaan bedah siasat ke atas Si Mati dilakukan?</i>	<input type="checkbox"/> Yes/ Ya	<input type="checkbox"/> No/ Tidak	
If Yes, please provide us with a certified true copy of the verdict or finding / <i>Jika Ya, kemukakan salinan sah keputusan tersebut.</i>			
11. Has the Deceased left a widow or widower? <i>Adakah Si Mati meninggalkan janda atau duda?</i>	<input type="checkbox"/> Yes/ Ya	<input type="checkbox"/> No/ Tidak	
12. Has the Deceased left a will? If so, when was it executed? <i>Adakah Si Mati meninggalkan wasiat? Jika Ya, bilakah ia dilaksanakan?</i>	<input type="checkbox"/> Yes/ Ya	<input type="checkbox"/> No/ Tidak	
13. Have the deceased ever performed Haj during his lifetime? <i>Adakah Si Mati pernah melakukan Haji seumur hidup?</i>	<input type="checkbox"/> Yes/ Ya	<input type="checkbox"/> No/ Tidak	
14. Would you like to engage with the following services? <i>Adakah anda memerlukan perkhidmatan berikut?</i>			
* Grief Counselling / Kaunseling Kesedihan : <input type="checkbox"/> Yes/ Ya, <input type="checkbox"/> No/ Tidak,	* If Yes / <i>Jika Ya,</i> <input type="checkbox"/> Panel Services Provider/ <i>Pembekal Perkhidmatan Panel</i>	<input type="checkbox"/> Non Panel Services Provider/ <i>Pembekal Perkhidmatan Bukan Panel</i>	
* Legal Service / Khidmat Guaman : <input type="checkbox"/> Yes/ Ya, <input type="checkbox"/> No/ Tidak,	* If Yes / <i>Jika Ya,</i> <input type="checkbox"/> Panel Services Provider/ <i>Pembekal Perkhidmatan Panel</i>	<input type="checkbox"/> Non Panel Services Provider/ <i>Pembekal Perkhidmatan Bukan Panel</i>	
* Note : Please provide us the Original invoice / bill and Official Receipt incurred for Reimbursement within the first twelve (12) months from the date of death. /			
* <i>Nota : Sila kemukakan invois / bil dan Resit Rasmi yang Asal untuk pembayaran balik dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas tarikh kematian.</i>			
15. Has the Deceased or Claimant been sued for bankruptcy or insolvency or has either executed any deed of transfer for the benefit of creditors since becoming aware of this certificate? / <i>Pernahkah Si Mati atau Orang yang menuntut telah didakwa untuk menjadi mufliis atau tidak mampu atau telah melaksanakan apa-apa surat ikatan berkaitan pindahan bagi manfaat pemberi pinjaman sejak mempunyai kepentingan dalam sijil ini?</i>			
<input type="checkbox"/> Yes/ Ya <input type="checkbox"/> No/ Tidak			
If so, please give details / <i>Jika Ya, sila beri butir-butiran</i>			
.....			
.....			
.....			
.....			

CLAIMANT'S DETAILS / BUTIR-BUTIR ORANG YANG MENUNTUT

Full Name / Nama Penuh:

Correspondence Address / Alamat Surat Menyurat:

Sex/ Jantina: Male/Lelaki Female /Perempuan Date of Birth/ Tarikh Lahir: Age/ Umur:

Occupation/Pekerjaan: Name of Employer/ Nama Majikan:

NRIC No./ No. K.P.: Residence Tel. No. and/or Handphone No.:
No. Tel. Kediaman dan/atau No. Telefon Bimbit:

Email Address/ Alamat Email:

Nationality/Kewarganegaraan:

Permanent Residence in Another Country/Penduduk Tetap di Negara Lain: Yes/ Ya No/ Tidak

If YES, please provide / Sekiranya YA, sila berikan:

a) Country Name/ Nama Negara itu

b) Address / Alamat

Are you in United States at the present moment? / Adakah anda berada di Unites States ketika ini? Yes/ Ya No/ Tidak

If YES, how long will your stay be? Sekiranya YA, berapa lamakah tempoh menetap anda?

19. Relationship with the Deceased/ Hubungan dengan Si Mati

20. How long have you known the Deceased?/ Berapa lamakah anda telah mengenali Si Mati?

21. By which title below are you submitting this claim?/ Apakah jenis hak milik yang digunakan untuk membuat tuntutan ini?

 Beneficiary Trustee/ Legal Guardian Legal assignee/ Certificate Owner
 Penerima Manfaat Pemegang Amanah / Penjaga yang sah Pemegang serahhak/ Pemilik Sijil
CLAIM SETTLEMENT OPTION/ PILIHAN PEMBAYARAN TUNTUTAN

If you wish for payment of the above claim (if any) to be made to your account, please state the details of your bank account in the space below. Payment made into this bank account (if any) will be deemed to be a receipt in favour of the Takaful Operator and discharges the Takaful Operator from further liability in respect of such payment.

Jika anda ingin bayaran tuntutan (sekiranya ada) dikreditkan ke dalam akaun anda, sila nyatakan butiran akaun bank seperti di bawah. Pembayaran tuntutan melalui akaun bank ini (sekiranya ada) akan dianggap sebagai tuntutan telah dibayar dan Pegendali Takaful adalah bebas daripada semua tanggungan yang bersabit dengan pembayaran ini.

Name & Address of Bank :
Nama & Alamat BankAccount No.:
No. AkaunAccount Holder's Full Name :
Nama Penuh Pemegang Akaun :

CLAIMANT'S DECLARATION

I/We hereby declare that the information disclosed in this form and in all documents in support of this form is true and complete and that I have not withheld from FWD Takaful Berhad ("Takaful Operator") any information within my knowledge with regard to the loss which would be relevant to the claim. I accordingly understand and agree that the Takaful Operator may reject the claim pursuant to this form and the supporting document(s) if any of the supporting document(s) submitted are incomplete and/or not in order OR the information in the supporting document(s) in support is untrue.

I/We hereby consent and agree to (a) the Takaful Operator (or any of its appointed service providers) to obtain and process; and (b) any medical practitioner, hospital, medical institution or any person (whether incorporated or not) who has ever attended to the Deceased and has his/her records, and/or the Deceased's health and (c) intermediaries to provide, relevant information and documents required by the Takaful Operator to determine whether to approve any claim in respect of the Deceased arising from the Takaful coverage under the relevant Takaful certificate. I/We further agree that a photocopy of this authorisation will be as effective and valid as the original.

I/We consent and agree that the Takaful Operator may disclose and process our/my personal data for purposes as provided for in the Takaful Operator's Notice to Customers relating to the Personal Data Protection Act 2010 ("the Notice"), a copy of which is attached to this claim form or available for download from <http://www.fwd.com.my>.

PENGAKUAN PENUNTUT

Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa maklumat yang didedahkan dalam borang ini dan dalam semua dokumen bagi menyokong borang ini adalah benar dan lengkap dan saya tidak menyembunyikan daripada FWD Takaful Berhad ("Pengendali Takaful") apa-apa maklumat dalam pengetahuan saya adalah relevan kepada tuntutan kematian ini. Saya sewajarnya memahami dan bersetuju bahawa Pengendali Takaful boleh menolak tuntutan ini jikalau borang dan dokumen sokongan adalah tidak lengkap dan/atau tidak teratur ATAU maklumat dalam dokumen sokongan adalah tidak benar.

Saya/Kami dengan ini membenarkan dan bersetuju untuk (a) Pengendali Takaful (atau mana-mana pembekal perkhidmatan yang dilantik) untuk mendapatkan dan proses; dan (b) mana-mana pengamal perubatan, hospital, institusi perubatan atau mana-mana orang (sama ada diperbadankan atau tidak) yang pernah merawat Si Mati dan mempunyai rekod Si Mati, dan/atau rekod kesihatan Si Mati dan (c) pengantara untuk menyediakan, maklumat dan dokumentasi yang dikehendaki oleh Pengendali Takaful untuk menentukan sama ada untuk meluluskan apa-apa tuntutan berkenaan dengan Si Mati dibawah perlindungan Sijil Takaful yang berkaitan. Saya/Kami bersetuju bahawa salinan kebenaran ini adalah berkuat kuasa dan sah seperti yang asal.

Saya/Kami membenarkan dan bersetuju bahawa Pengendali Takaful boleh mendedahkan dan memproses data peribadi saya untuk tujuan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Notis Pengendali Takaful kepada Pelanggan berkaitan dengan Akta Perlindungan Data peribadi 2010 ("Notis"), satu salinan yang dilampirkan kepada borang tuntutan ini atau boleh dimuat turun dari <http://www.fwd.com.my>.

Declaration relating to Automatic Exchange of Financial Account Information

1. I/We acknowledge that pursuant to the legal provisions for exchange of financial account information under the Inland Revenue Board of Malaysia, the Takaful Operator and/or its affiliates are required to collect information concerning my/our tax residency* and, if applicable, to furnish such information to the Inland Revenue Board of Malaysia.
2. I/We declare that my/our answers to the questions below are true and accurate:

For INDIVIDUAL Applicant Only

Are you a tax resident* in other jurisdiction(s) (except Malaysia and U.S.)?

(If “YES”, please provide the Takaful Operator with a completed “Self-Certification Form for Individual”)

Yes No

For ENTITY Applicant Only

All entity applicants are required to fill in and return the “Self-Certification Form for Entity”, and if applicable, the “Self-Certification Form for Controlling Person” as well (Please refer to Part 3 of the “Self-Certification Form for Entity” to see if it is necessary to submit the “Self-Certification for Controlling Person”)

*An individual or entity may be a tax resident of more than one jurisdiction. If you have any questions about your tax residency in any jurisdiction(s), please consult your tax advisors.

3. I/We agree to notify the Takaful Operator in writing within 30 days if there is any change of the above information provided to the Takaful Operator, whether at the time of application or at any other times, in particular, my/our nationality/place of incorporation, tax status or tax residency changes or if I/we become a tax resident in other countries. If any of these changes occurs or if any other information comes to light concerning such changes, the Takaful Operator may need to request certain documents or information from me/us, including duly completed and/or executed (and, if necessary, notarised) declarations or forms, which I/we agree to provide to the Takaful Operator.

Pengisytiharan berhubung Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan.

1. Saya/Kami mengakui bahawa merujuk peruntukan undang-undang bagi pertukaran maklumat akaun kewangan di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Pengendali Takaful dan/atau sekutu-sekutu diwajibkan untuk mengumpul maklumat pemastautin cukai saya/kami dan, jika perlu, akan menyerahkan maklumat tersebut kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
2. Saya/Kami mengakui bahawa jawapan-jawapan saya/kami kepada pertanyaan di bawah adalah benar dan tepat:

Untuk Pemohon INDIVIDU Sahaja

Adakah anda pemastautin cukai* dalam bidang kuasa lain (kecuali Malaysia dan Amerika Syarikat)?

(Jika “YA”, sila serahkan “Borang Perakuan Individu” yang telah dilengkapkan kepada Pengendali Takaful)

Ya Tidak

Untuk Pemohon ENTITI Sahaja

Semua pemohon entiti dikehendaki melengkapkan dan memulangkan “Borang Perakuan Entiti”, dan jika perlu, “Borang Perakuan untuk Individu yang Mengawal” (Sila rujuk pada bahagian 3 di dalam “Borang Perakuan Entiti” untuk menentukan jika “Borang Perakuan untuk Individu yang Mengawal” perlu disertakan)

*Orang perseorangan atau entiti berkemungkinan adalah pemastautin cukai di lebih daripada satu bidang kuasa. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang pemastautin cukai bagi mana-mana bidang kuasa, sila rujuk kepada penasihat cukai anda.

Saya/Kami bersetuju untuk memaklumkan kepada Pengendali Takaful secara bertulis dalam tempoh 30 hari sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat di atas yang telah diserahkan kepada Pengendali Takaful, samada semasa permohonan dibuat atau pada bila-bila masa yang lain, khususnya, pertukaran kewarganegaraan/tempat diperbadankan saya/kami, status cukai atau perubahan terhadap pemastautin bercukai atau jika saya/kami menjadi pemastautin bercukai di negara lain. Jika mana-mana perubahan ini berlaku atau jika terdapat maklumat lain yang berkaitan dengan perubahan tersebut, Pengendali Takaful mungkin perlu meminta dokumen-dokumen atau maklumat tertentu daripada saya/kami, yang mana saya/ kami bersetuju untuk menyerahkannya kepada Pengendali Takaful, termasuk pengisytiharan atau borang yang telah lengkap dan/atau telah dikuatkuasakan (dan disahkan, jika perlu).

Signature of Claimant: _____
Tandatangan Orang yang menuntut

Signature of Witness: _____
Tandatangan Saksi

Full Name/ *Nama Penuh*: _____

Full Name/ *Nama Penuh*: _____

NRIC No./ *No. K.P.*: _____

NRIC No./ *No. K.P.*: _____

Date/ *Tarikh*: _____

Date/ *Tarikh*: _____

Signed at : _____ Country
Tandatangan di _____ *Negara*

On/Pada _____ (Date/Tarikh - dd/mm/yyyy)

Company stamp (for entity only) / *Stem syarikat (untuk entiti sahaja)* :

Notice to Customers Relating to the Personal Data Protection Act 2010 (the Act)

FWD Takaful Berhad ("the **Takaful Operator**") is committed to the implementation and compliance with the provisions of the Personal Data Protection Act 2010 of Malaysia ("the **Act**"). This Notice is issued pursuant to the requirements of the Act. In this context, the Personal Data Protection Officer is responsible for coordinating and overseeing compliance with the Act and the upholding of the Personal Data Protection Principles set out in the Act.

FWD Takaful Berhad ("**Pengendali Takaful**") komited terhadap pelaksanaan dan pematuhan dengan peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia ("**Akta**"). Notis ini dikeluarkan selaras dengan keperluan-keperluan Akta. Dalam konteks ini, Pegawai Perlindungan Data Peribadi bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan menyelia pematuhan dengan Akta dan menegakkan Prinsip-Prinsip Perlindungan Data Peribadi yang dinyatakan di dalam Akta.

This Notice applies to all products and services provided by the Takaful Operator and sets out how the Takaful Operator may collect, use, process, and disclose your personal information.

Notis ini terpakai kepada semua produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh Pengendali Takaful dan menetapkan bagaimana Pengendali Takaful boleh mengumpulkan, menggunakan, memproses dan mendedahkan maklumat peribadi anda.

- From time to time, it is necessary for you to supply the Takaful Operator, its affiliates, agents and representatives acting on its behalf, or any selected third party (within or outside of Malaysia, including retakaful and claims investigation companies and industry associations and federations), with personal information and particulars in connection with its services and products as well as for compliance with any laws, guidelines or requests issued by regulators or any other governmental authority. Apart from data provided by you, the Takaful Operator may obtain and/or verify your data with any third party, including but not limited to, risk surveyors, medical practitioners, hospitals or medical institutions that have attended to you. Failure to supply such personal data or to agree to the Takaful Operator's collection of such personal data may result in the Takaful Operator being unable to provide or continue to provide these services and products to you, including the termination of your Takaful Certificate, in order to comply with any laws or guidelines issued by regulators or any other governmental authorities.

Dari semasa ke semasa, menjadi tanggungjawab anda untuk membekalkan kepada Pengendali Takaful, sekutunya, ejen dan wakil yang bertindak bagi pihaknya, atau mana-mana pihak ketiga yang terpilih (di dalam atau di luar Malaysia termasuk syarikat takaful semula dan syarikat-syarikat penyiasatan tuntutan serta persatuan industri dan persekutuan), dengan maklumat peribadi dan butir-butir berkaitan dengan perkhidmatan dan produk serta untuk pematuhan terhadap mana-mana undang-undang, garis panduan atau permintaan yang dikeluarkan oleh pengawal selia atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan yang lain. Selain data yang disediakan oleh anda, Pengendali Takaful boleh mendapatkan dan / atau mengesahkan data anda dengan mana-mana pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada, juruukur risiko, pengamal perubatan, hospital atau institusi perubatan yang telah merawat anda. Kegagalan untuk membekalkan data peribadi sedemikian atau untuk bersetuju dengan pengumpulan data peribadi oleh Pengendali Takaful boleh mengakibatkan Pengendali Takaful tidak dapat menyediakan atau terus menyediakan perkhidmatan dan produk-produk ini kepada anda, termasuk penamatan Sijil Takaful anda, untuk mematuhi sebarang undang-undang atau garis panduan yang dikeluarkan oleh pengawal selia atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan yang lain.

- Personal information and particulars requested may include information concerning your personal details (such as name, age, identity card number, passport number, gender, date of birth, race, nationality, citizenship and marital status), contact details (such as address, email and phone numbers), family information (such as marital status, name of your spouse or child or immediate family members), occupation details (such as your employer's name, annual income, job title, nature and description of job) and financial details (such as bank account number and credit card number).

Maklumat peribadi dan butiran yang diminta mungkin termasuk maklumat mengenai butiran peribadi anda (seperti nama, umur, nombor kad pengenalan, nombor pasport, jantina, tarikh lahir, bangsa, kewarganegaraan, kerakyatan dan status perkahwinan), butiran perhubungan (seperti alamat, e-mel dan nombor telefon), maklumat keluarga (seperti status perkahwinan, nama pasangan atau anak anda atau ahli keluarga terdekat), maklumat pekerjaan (seperti nama majikan anda, pendapatan tahunan, jawatan, sifat dan huraian pekerjaan) butiran kewangan (seperti nombor akaun bank dan nombor kad kredit).

- In addition, the Takaful Operator may from time to time request for:

Di samping itu, Pengendali Takaful boleh dari semasa ke semasa meminta:

- information relating to your medical records or health condition in general from you or any medical practitioner, hospital, medical institution or any person (whether incorporated or not) who has ever attended to you or has records regarding your health or medical condition; and/or
- such other personal information that may be relevant for the Takaful Operator to consider your application for Takaful cover or the continuous provision of the Takaful Certificate and/or Takaful services under a Takaful Certificate issued by the Takaful Operator. This includes but is not limited to tax information about you, your designated beneficiary(ies) or any person entitled to any benefits/payment under the Takaful Certificate.

maklumat berkaitan dengan rekod perubatan atau keadaan kesihatan anda secara umum daripada anda atau mana-mana pengamal perubatan, hospital, institusi perubatan atau mana-mana orang (sama ada diperbadankan atau tidak) yang pernah merawat anda atau mempunyai rekod mengenai keadaan kesihatan atau perubatan anda; dan / atau

maklumat peribadi lain yang mungkin berkaitan untuk Pengendali Takaful mempertimbangkan permohonan anda untuk perlindungan Takaful atau peruntukan berterusan Sijil Takaful dan / atau perkhidmatan Takaful di bawah Sijil Takaful yang dikeluarkan oleh Pengendali Takaful. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat cukai mengenai anda, benefisiari anda atau mana-mana orang yang berhak

mendapat sebarang manfaat / pembayaran di bawah Sijil Takaful.

4. Personal information and data may also be collected from:

Maklumat dan data peribadi juga boleh dikumpulkan dari:

- (i) other sources in the ordinary course of the continuation of the Takaful relationship, for example, when you write cheques or provide your credit card or bank account details to the Takaful Operator for contribution payment of the Takaful coverage or when you nominate a nominee to receive Takaful benefits payable under a Takaful Certificate; and/or
sumber-sumber lain untuk meneruskan hubungan Takaful seperti biasa, sebagai contoh, apabila anda menulis cek atau memberikan maklumat kad kredit atau akaun bank anda kepada Pengendali Takaful untuk pembayaran sumbangan perlindungan Takaful atau apabila anda menamakan seorang penama untuk menerima manfaat Takaful yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful; dan / atau
- (ii) a person acting on behalf of the individual whose personal data is provided and if you provide personal data on behalf of any person, you hereby confirm that you are either their parent or guardian or you have obtained that person's consent to provide that personal data for use by the Takaful Operator; and/or
seseorang yang bertindak bagi pihak orang yang data peribadinya diberikan dan jika anda memberikan data peribadi bagi pihak mana-mana orang, anda dengan ini mengesahkan bahawa anda adalah sama ada ibu atau bapa atau penjaga mereka atau anda telah memperoleh persetujuan orang itu untuk memberikan data peribadi untuk kegunaan Pengendali Takaful; dan / atau
- (iii) from other sources (including from publicly available information).
dari sumber-sumber lain (termasuk dari maklumat umum).

Data may also be generated, processed or combined with other information available to the Takaful Operator or any of the Takaful Operator's subsidiaries, holding companies, associated or affiliated companies and companies controlled by or under common control with the Takaful Operator (collectively, the "Group").

Data juga boleh dijana, diproses atau digabungkan dengan maklumat lain yang tersedia kepada Pengendali Takaful atau mana-mana syarikat subsidiari Pengendali Takaful, syarikat induk, syarikat bersekutu atau berkaitan dan syarikat yang dikawal oleh atau di bawah kawalan bersama dengan Pengendali Takaful (secara kolektif, "Kumpulan").

5. The purposes for which your personal data may be used and/or processed are as follows:

Data peribadi anda akan digunakan dan / atau diproses untuk tujuan seperti berikut:

- (i) providing our services and products to you, including administering, maintaining, managing and operating such services and products;
menyediakan perkhidmatan dan produk kami kepada anda, termasuk mentadbir, mengekalkan, mengurus dan mengendalikan perkhidmatan dan produk tersebut;
- (ii) processing, assessing and determining any applications or requests made by you in connection with the Takaful Operator's services or products and maintaining your account and/or Takaful Certificate with the Takaful Operator;
memproses, menilai dan menentukan apa-apa permohonan atau permintaan yang dibuat oleh anda berkaitan dengan perkhidmatan atau produk Pengendali Takaful dan mengekalkan akaun dan/atau Sijil Takaful anda dengan Pengendali Takaful;
- (iii) developing Takaful financial services and products;
membangunkan perkhidmatan kewangan dan produk Takaful;
- (iv) developing and maintaining credit and risk related models;
membangun dan mengekalkan model kredit dan risiko yang berkaitan;
- (v) processing payment instructions;
memproses arahan pembayaran;
- (vi) determining any indebtedness owing to or from you, and collecting and recovering any amount owing from you or any person who has provided any security or other undertakings for your liabilities;
menentukan apa-apa amaun yang terhutang kepada atau daripada anda, dan mengutip dan mendapatkan semula apa-apa amaun yang terhutang oleh anda atau mana-mana orang yang telah memberikan apa-apa jaminan atau perjanjian lain untuk liabiliti anda;
- (vii) exercising any rights that the Takaful Operator may have in connection with our services and/or products;
melaksanakan mana-mana hak yang berkaitan dengan perkhidmatan Pengendali Takaful dan / atau produk kami;
- (viii) carrying out and/or verifying any eligibility, credit, physical, medical, security, underwriting and/or identity checks in connection with our services and products;
menjalankan dan / atau mengesahkan apa-apa kelayakan, kredit, fizikal, perubatan, keselamatan, pengunderaitan dan / atau pemeriksaan identiti berkaitan dengan perkhidmatan dan produk kami;
- (ix) any purposes in connection with any claims made by or against or otherwise involving you in respect of any of our services or products, including, making, defending, analysing, investigating, processing, assessing, determining, responding to, resolving or settling such claims;
sebarang tujuan berkaitan dengan sebarang tuntutan yang dibuat oleh atau terhadap atau sebaliknya yang melibatkan anda berkenaan dengan mana-mana perkhidmatan atau produk kami, termasuk membuat, mempertahankan, menganalisis, menyasat, memproses,

menilai, menentukan, memberi maklumbalas dan menyelesaikan tuntutan-tuntutan tersebut.;

- (x) performing policy reviews and needs analysis (whether or not on a regular basis);
melakukan kajian dasar dan analisis keperluan (sama ada secara tetap atau tidak);
- (xi) meeting disclosure obligations and other requirements imposed by or for the purposes of any laws, rules, regulations, codes of practice or guidelines (whether applicable in or outside Malaysia) binding on the Takaful Operator or any other member of the Group, including making disclosure to any legal, regulatory, governmental, tax, law enforcement or other authorities (including for compliance with sanctions laws, the prevention or detection of money laundering, terrorist financing or other unlawful activities) or to any self-regulatory or industry bodies such as federations or associations of insurers/ Takaful operators;
memenuhi obligasi pendedahan dan keperluan lain yang dikenakan oleh atau untuk tujuan mana-mana undang-undang, peraturan, kawal selia, kod amalan atau garis panduan (sama ada digunakan di dalam atau di luar Malaysia) yang mengikat Pengendali Takaful atau mana-mana ahli Kumpulan, termasuk membuat pendedahan kepada mana-mana undang-undang, pengawalseliaan, kerajaan, cukai, penguatkuasaan undang-undang atau pihak berkuasa lain (termasuk untuk mematuhi undang-undang sekatan, pencegahan atau pengesanan perubahan wang haram, pembiayaan penganas atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang) atau mana-mana pengawal selia persendirian atau perbadanan industri seperti persekutuan atau persatuan penanggung insurans/pengendali Takaful;
- (xii) for any corporate exercise or transactions relating to the Takaful Operator e.g. sale and purchase of assets, reorganisations or amalgamation or collaboration;
bagi apa-apa urusan atau transaksi korporat yang berkaitan dengan Pengendali Takaful, misalnya penjualan dan pembelian aset, reorganisasi atau penggabungan atau kerjasama;
- (xiii) for statistical or actuarial research undertaken by the Takaful Operator or any member of the Group; and
untuk penyelidikan statistik atau aktuarial yang dijalankan oleh Pengendali Takaful atau mana-mana ahli Kumpulan; dan
- (xiv) fulfilling any other purposes directly related to (i) to (xiii) above;
memenuhi apa-apa maksud lain yang berkaitan secara langsung dengan (i) hingga (xiii) di atas.

6. Personal data will be kept confidential, but to facilitate the purposes set out in paragraph 5 above, the Takaful Operator may transfer, disclose, grant access to or share personal data with the following:

Data peribadi akan dirahsiakan, tetapi untuk memudahkan tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 5 di atas, Pengendali Takaful boleh memindahkan, mendedahkan, memberi akses kepada atau berkongsi data peribadi dengan yang berikut:

- (i) other members of the Group;
ahli-ahli Kumpulan yang lain;
- (ii) any person or company carrying on Takaful-related and/or retakaful-related business which is engaged by the Takaful Operator in connection with the Takaful Operator's business;
mana-mana orang atau syarikat yang menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan Takaful dan / atau takaful semula yang terlibat oleh Pengendali Takaful berkaitan dengan perniagaan Pengendali Takaful;
- (iii) any physicians, hospitals, clinics, medical practitioners, laboratories, technicians, loss adjustors, risk intelligence providers, claims investigators, legal advisors and/or other professional advisors engaged in connection with the Takaful Operator's business;
mana-mana pakar perubatan, hospital, klinik, pengamal perubatan, makmal, juruteknik, pelaras kerugian, penyedia risikan risiko, penyiasat tuntutan, penasihat undang-undang dan / atau penasihat profesional lain yang berkaitan dengan perniagaan Pengendali Takaful;
- (iv) any agent, contractor or service provider providing administrative, distribution, credit reference, debt collection, telecommunications, computer, call centre, data processing, payment processing, printing, redemption or other services in connection with the Takaful Operator's business;
mana-mana ejen, kontraktor atau pembekal perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, pengedaran, rujukan kredit, pengumpulan hutang, telekomunikasi, komputer, pusat panggilan, pemprosesan data, pemprosesan pembayaran, percetakan, penebusan atau perkhidmatan lain berkaitan dengan perniagaan Pengendali Takaful;
- (v) any official, regulator, ministry, law enforcement agent or other person (whether within or outside Malaysia) to whom the Takaful Operator or another member of the Group is under an obligation or otherwise required or expected to make disclosures under the requirements of any law, rules, regulations, codes of practice or guidelines (whether applicable in or outside Malaysia); and/or
mana-mana pegawai, pengawal selia, kementerian, ejen penguatkuasa undang-undang atau orang lain (sama ada di dalam atau di luar Malaysia) yang kepadanya Pengendali Takaful atau anggota lain Kumpulan mempunyai kewajipan atau selainnya dikehendaki atau dijangka membuat pendedahan di bawah kehendak mana-mana undang-undang, peraturan, kawal selia, kod amalan atau garis panduan (sama ada digunakan di dalam atau di luar Malaysia); dan / atau
- (vi) third parties involved in any corporate exercise or transactions relating to the Takaful Operator e.g. sale and purchase of assets, reorganisations or amalgamation or collaboration.
pihak ketiga yang terlibat dalam sebarang perbincangan atau transaksi korporat yang berkaitan dengan Pengendali Takaful, sebagai contoh penjualan dan pembelian aset, reorganisasi atau penggabungan atau kerjasama.

7. Your personal data may be transferred or disclosed to any assignee, transferee, participant or sub-participant of all or any substantial part of the

Takaful Operator's business.

Data peribadi anda boleh dipindahkan atau didedahkan kepada mana-mana pemegang serah hak, penerima pindahan, peserta atau sub-peserta bagi semua atau sebahagian besar daripada perniagaan Pengendali Takaful.

8. The Takaful Operator is only allowed to: (i) use your personal data in direct marketing; or (ii) provide your personal data to another person or company for its use in direct marketing, if you provide your consent or do not object in writing.
Pengendali Takaful hanya dibenarkan untuk: (i) menggunakan data peribadi anda dalam pemasaran langsung; atau (ii) menyediakan data peribadi anda kepada orang lain atau syarikat lain untuk penggunaannya dalam pemasaran langsung, jika anda memberikan persetujuan anda atau tidak membantah secara bertulis.
9. In connection with direct marketing, the Takaful Operator intends:
Berkaitan dengan pemasaran langsung, Pengendali Takaful berhasrat:
- (i) to use your name, contact details, services and products portfolio information, financial background and demographic data held by the Takaful Operator from time to time in direct marketing to market the following classes of services and products offered by the Takaful Operator, other members of the Group and/or our business partners (being providers of the product and services described below):
untuk menggunakan nama, butiran perhubungan, maklumat perkhidmatan dan portfolio produk, latar belakang kewangan dan data demografi yang disimpan oleh Pengendali Takaful dari semasa ke semasa dalam pemasaran langsung untuk memasarkan kelas perkhidmatan dan produk berikut yang ditawarkan oleh Pengendali Takaful, ahli-ahli Kumpulan dan / atau rakan perniagaan kami yang lain (sebagai penyedia produk dan perkhidmatan yang dijelaskan di bawah):
- a) Takaful services and products;
perkhidmatan dan produk Takaful;
- b) wealth management services and products;
perkhidmatan dan produk pengurusan kekayaan;
- c) pensions, investments, brokering, financial advisory, financial services and products;
pencen, pelaburan, pembrokeran, penasihat kewangan, perkhidmatan kewangan dan produk;
- d) health-check and wellness services and products;
perkhidmatan dan produk pemeriksaan kesihatan dan kesejahteraan;
- e) media, entertainment and telecommunications services;
perkhidmatan media, hiburan dan telekomunikasi;
- f) reward, loyalty or privileges programmes and related services and products; and
program ganjaran, kesetiaan atau keistimewaan dan perkhidmatan dan produk berkaitan; dan
- g) donations and contributions for charitable and/or non-profit making purposes; and
derma dan sumbangan untuk tujuan amal dan / atau bukan bertujuan untuk keuntungan; dan
- (ii) to provide your name and contact details to any members of the Group and/or our business partners for their use in direct marketing the classes of services and products described in paragraph 9(i) above (including, in the case of our business partners, for money or other commercial benefit).
untuk memberikan nama dan butiran perhubungan anda kepada mana-mana ahli Kumpulan dan / atau rakan niaga kami untuk kegunaan mereka dalam pemasaran langsung kelas perkhidmatan dan produk yang diterangkan dalam perenggan 9 (i) di atas (termasuk, dalam kes rakan perniagaan kami, untuk wang atau manfaat, komersil lain).
10. **If you do NOT wish the Takaful Operator to use your personal data in direct marketing or provide your personal data to other members of the Group and/or our business partners for their use in direct marketing, (in paragraph 9 above) you may write to the Personal Data Protection Officer of the Takaful Operator at the address below to opt out from direct marketing at any time.**
Sekiranya anda TIDAK menghendaki Pengendali Takaful menggunakan data peribadi anda dalam pemasaran langsung atau menyediakan data peribadi anda kepada ahli-ahli Kumpulan dan / atau rakan perniagaan kami yang lain untuk kegunaannya dalam pemasaran langsung, (dalam perenggan 9 di atas) anda boleh menulis kepada Pegawai Perlindungan Data Peribadi Pengendali Takaful di alamat di bawah untuk menarik diri dari pemasaran langsung pada bila-bila masa.
11. To facilitate the purposes set out in paragraphs 5 and 9 above, the Takaful Operator may transfer, disclose, grant access to or share your personal data with the parties set out in paragraphs 6 and 9(ii) and you acknowledge that those parties may be based outside Malaysia and that your personal information and personal data may be transferred to places where there may not be in place data protection laws which are substantially similar to, or serve the same purposes as, the Act.
Untuk memudahkan tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 5 dan 9 di atas, Pengendali Takaful boleh memindahkan, mendedahkan, memberi akses kepada atau berkongsi data peribadi anda dengan pihak yang dinyatakan dalam perenggan 6 dan 9 (ii) dan anda maklum bahawa pihak-pihak tersebut mungkin berpangkalan di luar Malaysia dan maklumat dan data peribadi anda boleh dipindahkan ke tempat-tempat di mana mungkin tidak terdapat undang-undang perlindungan data yang sebahagian besarnya sama, atau memenuhi tujuan-tujuan yang sama dengan

Akta tersebut.

12. Under the Act:

Di bawah Akta:

- (i) you have the right to request access to your personal data held by the Takaful Operator and request correction of any of your personal data which is incorrect or to limit the processing of your personal data; and
anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada data peribadi anda yang disimpan oleh Pengendali Takaful dan meminta pembetulan mana-mana data peribadi anda yang salah atau untuk menghadkan pemprosesan data peribadi anda; dan
- (ii) the Takaful Operator has the right to charge you a reasonable fee for processing and complying with your data access or correction request.
Pengendali Takaful mempunyai hak untuk mengenakan bayaran yang munasabah untuk memproses dan mematuhi permintaan untuk mengakses atau membetulkan data anda.

13. Requests for access to or correction of your personal data should be made in writing to the Personal Data Protection Officer of the Takaful Operator at the address below.

Permintaan untuk mengakses atau membetulkan data peribadi anda hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Perlindungan Data Peribadi Pengendali Takaful di alamat di bawah.

14. The Takaful Operator may review and update this Notice from time to time to reflect changes in the law, changes in the business practices, procedures and structure of our Takaful Operator, and changes in the community's privacy expectations. It is not generally feasible to notify you of changes to this Notice and as such, you can log on to our website at www.fwd.com.my/PDPA to obtain the latest version of the Notice at any time.

Pengendali Takaful boleh menyemak dan mengemaskini Notis ini dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan dalam undang-undang, perubahan dalam amalan perniagaan, prosedur dan struktur Pengendali Takaful kami, dan perubahan dalam jangkaan privasi masyarakat. Ia tidak secara amnya boleh dilaksanakan untuk memaklumkan kepada anda tentang perubahan-perubahan pada Notis ini dan oleh itu, anda boleh log masuk ke laman sesawang kami di www.fwd.com.my/PDPA untuk mendapatkan versi terkini Notis pada bila-bila masa.

15. Accuracy of Personal Information

Ketepatan Maklumat Peribadi

The Takaful Operator will ensure the accuracy of all personal data collected and processed by the Takaful Operator. Appropriate procedures are implemented so that all personal data is regularly checked and updated to ensure that it is reasonably accurate having regard to the purposes for which that data is used. In so far as personal data held by the Takaful Operator consists of statements of opinion, all reasonably practicable steps are taken to ensure that any facts cited in support of such statements of opinion are correct.

Pengendali Takaful akan memastikan ketepatan bagi kesemua data peribadi yang dikumpulkan dan diproses oleh Pengendali Takaful. Prosedur yang sewajarnya dilaksanakan agar semua data peribadi sentiasa diperiksa dan dikemas kini untuk memastikan ia adalah wajar dengan mengambil kira tujuan data tersebut digunakan. Selagi data peribadi yang disimpan oleh Pengendali Takaful terdiri daripada pernyataan pendapat, semua langkah yang munasabah dilaksanakan untuk memastikan bahawa sebarang fakta yang disebut sebagai menyokong pernyataan pendapat tersebut adalah betul.

The Takaful Operator will at all times endeavour to ensure the accuracy of personal data held by the Takaful Operator, and if such personal data is transferred to third parties, it will notify that third party of any correction to be made.

Pengendali Takaful akan sentiasa berusaha untuk memastikan ketepatan data peribadi yang disimpan oleh Pengendali Takaful, dan jika data peribadi tersebut dipindahkan kepada pihak ketiga, ia akan memaklumkan pihak ketiga pembetulan yang perlu dibuat.

16. Retention of Personal Information

Pengekalan Maklumat Peribadi

No personal data is kept for longer than is necessary and that the Takaful Operator will comply with all statutory and regulatory requirements in Malaysia concerning the retention of personally identifiable information.

Tiada data peribadi disimpan lebih lama daripada yang diperlukan dan Pengendali Takaful akan mematuhi semua syarat-syarat berkanun dan

peraturan kawal selia di Malaysia mengenai pengendalian maklumat peribadi yang dapat dikenal pasti.

Your personal data may be collected via, and stored in, an electronic or mobile application (FWD Smart) (the "App").
Data peribadi anda boleh dikumpulkan melalui, dan disimpan dalam, aplikasi elektronik atau mudah alih (FWD Smart) ("Aplikasi").

17. Data Security
Keselamatan Data

The Takaful Operator will ensure an appropriate level of protection for personal data in order to prevent unauthorized access, processing or other use of that data, commensurate with the sensitivity of the data and the harm that would be caused by unauthorized access to that data. It is the practice of the Takaful Operator to achieve appropriate levels of security by restricting physical access to data, providing secure storage facilities and incorporating security measures into equipment in which data is held. Measures are taken to ensure the integrity, prudence and competence of persons having access to personal data and personal data is only transmitted by secure means.

Pengendali Takaful akan memastikan tahap perlindungan yang sesuai untuk data peribadi untuk mengelakkan akses tanpa kebenaran, pemprosesan atau penggunaan data lain yang tidak sah, sepadan dengan sensitiviti data dan bahaya yang akan disebabkan oleh akses yang tidak dibenarkan kepada data tersebut. Adalah amalan Pengendali Takaful untuk mencapai tahap keselamatan yang sesuai dengan menyekat akses fizikal kepada data, menyediakan kemudahan simpanan yang selamat dan memasukkan langkah-langkah keselamatan ke dalam peralatan di mana data disimpan. Langkah-langkah diambil untuk memastikan integriti, kebijaksanaan dan kecekapan orang yang mempunyai akses kepada data peribadi dan data peribadi hanya dihantar melalui cara yang selamat.

In addition, the Takaful Operator takes prudent security measures to ensure personal data collected via the App are stored and transmitted under protection.

Di samping itu, Pengendali Takaful mengambil langkah-langkah keselamatan yang berhemah untuk memastikan data peribadi yang dikumpul melalui Aplikasi disimpan dan dihantar adalah terlindung.

(i) For mobile app development, the App is developed by secure coding and annual penetration testing is conducted by third party security professionals.

Bagi pembangunan aplikasi mudah alih, Aplikasi dibangunkan melalui pengkodan yang selamat dan ujian penembusan tahunan dijalankan oleh pihak keselamatan ketiga yang profesional. .

(ii) The personal data collected via the App is stored in an encrypted database.

Data peribadi yang dikumpulkan melalui Aplikasi disimpan dalam pangkalan data yang disulitkan.

(iii) Data transfers between the Takaful Operator and the App are made in SSL secured connection and valid session key management is in place to ensure unauthorized access is restricted and prevented.

Pemindahan data antara Pengendali Takaful dan Aplikasi dibuat ketika dalam sambungan SSL yang dijamin dan pengurusan kunci sesi yang sah disediakan untuk memastikan akses yang tidak dibenarkan dihadkan dan dihalang.

(iv) A multi-layered defense system is used in the Takaful Operator's data centre to secure transmission and ensure effective data protection is in place.

Sistem pertahanan pelbagai lapisan digunakan di pusat data Pengendali Takaful untuk keselamatan transmisi dan memastikan perlindungan data yang berkesan disediakan.

18. Use of Cookies and Third Party Links
Penggunaan Kuki dan Pautan Pihak Ketiga

The Takaful Operator's website may include hyperlinks to third party websites. The Takaful Operator has no control over the content, accuracy, opinion expressed, and other links provided at these third party websites or how these third party websites deal with your personal data. You should visit these third party websites for details of their privacy policies in relation to their handling of your personal data.

Laman sesawang Pengendali Takaful mungkin termasuk hiperpautan ke laman sesawang pihak ketiga. Pengendali Takaful tidak mempunyai kawalan terhadap kandungan, ketepatan, pendapat yang dinyatakan, dan pautan lain yang disediakan di laman sesawang pihak ketiga ini atau bagaimana laman sesawang pihak ketiga ini menangani data peribadi anda. Anda harus melawati laman sesawang pihak ketiga ini untuk mendapatkan butiran mengenai dasar privasi mereka berhubung dengan pengendalian data peribadi anda.

The Takaful Operator may use "cookies" to improve our internet service to you. Cookies are small data files that are automatically stored on your web browser in your computer that can be retrieved by the Takaful Operator's website. Cookies enable the Takaful Operator's website to remember you and your preferences when you visit the website and enable us to tailor the website to your needs. The information collected by cookies is anonymous visitor's personalised settings information and contains no name or address information or any information that will enable anyone to contact you via telephone, e-mail or any other means. No customer personal data is stored in cookies. However, you can disable cookies by changing the settings of your web browser.

Pengendali Takaful boleh menggunakan "kuki" untuk meningkatkan perkhidmatan internet kami kepada anda. "Kuki" adalah fail data kecil yang disimpan secara automatik pada pelayar sesawang anda di komputer anda yang boleh diambil oleh sesawang Pengendali Takaful. "Kuki" membolehkan laman sesawang Pengendali Takaful untuk mengingati anda dan keutamaan anda apabila anda melawati laman sesawang dan membolehkan kami menyesuaikan laman sesawang kepada keperluan anda. Maklumat yang dikumpulkan oleh "kuki" adalah maklumat tetapan peribadi pengunjung tanpa nama dan tidak mengandungi maklumat nama atau alamat atau sebarang maklumat yang akan membolehkan

sesiapa sahaja menghubungi anda melalui telefon, e-mel atau apa-apa cara lain. Tiada data peribadi pelanggan disimpan dalam kuki. Walau bagaimanapun, anda boleh mematikan kuki dengan mengubah tetapan pelayar sesawang anda.

In case of discrepancies between the English and Bahasa Melayu versions, the English version shall apply and prevail.
Dalam kes percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan terpakai dan diguna pakai.

Further enquiries regarding the Takaful Operator's Personal Data Protection Policy and Practices may be directed to:
Pertanyaan lanjut mengenai Dasar dan Amalan Perlindungan Data Peribadi Pengendali Takaful boleh dikemukakan kepada:

The Personal Data Protection Officer / *Pegawai Perlindungan Data Peribadi*
FWD Takaful Berhad
Level 29 Menara Shell
211 Jalan Tun Sambanthan Brickfields
50470 Kuala Lumpur
Tel: 1300 13 7988